

# 'Alhamdulillah, air bersih buat kami sambut puasa'

**REMAU:** "Alhamdulillah, dapat kami lapan sekeluarga menyambut kedatangan bulan puasa dengan selesa dengan bekalan air bersih tanpa perlu memintaminta lagi," luah Ramlah Mohd Esa, 63, ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Chengkau Ulu, di sini, semalam.

Ramlah menyatakan dia dikejutkan dengan kehadiran Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun ke rumahnya selepas dia pulang dari menoreh getah.

Kunjungan Menteri Besar itu membawa khabar gembira apabila peruntukan untuk bekalan air bersih ke kediamannya telah diluluskan.

Menurutnya, dia tidak pernah menyangka kesukaran kehidupan sekeluarganya mendapat perhatian selepas selama ini hanya bergantung kepada bekalan air perigi dan generator bagi bekalan elektrik.

"Syukur alhamdulillah, banyak pihak datang bantu, kepada yang datang dan membantu kami sekeluarga, saya doakan semoga dipanjangkan umur dan dimudahkan


rezeki kerana membantu memudahkan urusan kami sekeluarga.

"Jika sebelum ini, air perigi kering kami minta bantuan pihak sukarelawan Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan Pas Negeri Sembilan, minta anak-anak ambil dan angkut air dari luar, kini, segalanya dipermudahkan apabila rumah ini bakal memperoleh air bersihnya sendiri seperti kediaman orang lain," katanya.

*Utusan Malaysia* pada 2 Mac lalu melaporkan, susulan cuaca panas dan kering sejak lebih dua minggu lalu, sembilan sekeluarga yang tinggal jauh dalam kawasan kebun getah di Kampung Chengkau Ulu, dekat sini telah terputus bekalan air selepas perigi yang digali sebelum ini kering.

Ramlah berkata, dia yang tinggal di rumah yang jauh dari penempatan penduduk itu sejak 2013 dan terpaksa bergantung kepada bekalan air perigi serta hujan.

Sukarelawan Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan Pas Negeri Sembilan hadir membantu dengan membawa bekalan air dari luar ke rumah berkenaan.



**RAMLAH Mohd. Esa** bersyukur kesukaran dia sekeluarga bagi memperoleh bekalan air bersih berakhir apabila peruntukan untuk pembinaan paip air bagi menyalurkan air bersih ke rumahnya telah diluluskan. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH.